



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-1/4/20 JLD 6 (12)
Tarikh : 21 April 2025

Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Institut Kanser Negara

YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 10/2025 :
GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH DI
HOSPITAL DAN INSTITUSI PERUBATAN KHAS KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan tatacara pengurusan jenazah meliputi pemilihan pengurus jenazah dan perkhidmatan kenderaan jenazah bagi waris atau penjaga di hospital dan institusi perubatan khas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. KKM menyediakan pelbagai perkhidmatan kesihatan kepada pesakit termasuk proses penyerahan jenazah kepada waris setelah pihak hospital menyelesaikan segala proses rawatan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. **Peranan pihak hospital berakhir dengan penyerahan jenazah kepada waris atau penjaga.**

- 2.2. Garis panduan ini adalah kemas kini dan semakan semula kepada:
- i. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia Bil 14/2001 bertarikh 8 Januari 2002;
 - ii. Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam Di Hospital bertarikh 12 Mac 2018; dan
 - iii. Arahan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Jenazah Di Jabatan/Unit Forensik Hospital KKM bertarikh 29 Julai 2022.
- 2.3. Jenazah perlu diuruskan dengan cepat dan sebaik mungkin mengikut tatacara yang ditetapkan. Semakan ini dilakukan bagi memastikan pengurusan jenazah di hospital KKM lebih teratur serta memenuhi keperluan semasa dengan integriti.
- 2.4. Mengikut garis panduan, KKM tidak menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah seperti mandi atau kafan jenazah, pengawetan jenazah, penghantaran jenazah ke negara asal, atau penyimpanan jenazah untuk agensi luar.
- 2.5. Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes tertentu seperti mangsa kemalangan ngeri, jenazah yang reput, penyakit berjangkit, atau apa-apa kes lain yang difikirkan sesuai oleh Jabatan/Unit Forensik hospital boleh membantu keluarga jenazah dengan menyediakan bilik mandi (sekiranya ada) untuk membantu pengurusan jenazah.
- 2.6. Garis panduan ini bertujuan untuk:
- i. Menjelaskan kaedah dan tatacara pemilihan pengurus jenazah untuk waris atau penjaga.
 - ii. Memastikan pengurusan jenazah Islam dilaksanakan secara telus dan berintegriti oleh pihak pengurusan hospital.
- 2.7. Bagi memastikan pematuhan garis panduan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Pengarah Hospital/Institusi Khas, Ketua Jabatan/Unit perlu mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Memastikan kepatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pengurusan jenazah;
- ii. Melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan SOP dipatuhi;
- iii. Mengelakkan sebarang campur tangan pihak luar yang boleh menjejaskan mutu perkhidmatan kesihatan;
- iv. Pihak hospital perlu memastikan tiada ejen atau wakil pengurus jenazah berkeliaran di kawasan hospital terutamanya Jabatan/Unit Forensik tanpa sebarang urusan rasmi; dan
- v. Mengamalkan pergiliran kerja di Jabatan/Unit Forensik bagi menutup ruang berlakunya unsur rasuah.

3. PROSES KERJA PENGURUSAN JENAZAH

- 3.1. Pengurusan jenazah di hospital KKM adalah berdasarkan:
 - i. *Standard of Procedures Forensic Medicine* 2012 KKM;
 - ii. Garis Panduan Bedah Siasat Mayat di Hospital-Hospital KKM; dan
 - iii. Garis Panduan Penyerahan Mayat-Mayat yang Tidak Dituntut di Hospital KKM Kepada Fakulti Perubatan Universiti Tempatan bagi Maksud Pendidikan atau Penyelidikan Perubatan.
- 3.2. Waris atau penjaga bertanggungjawab untuk menguruskan jenazah, termasuk urusan memandikan, mengkafankan, solat jenazah, dan pengangkutan jenazah.
- 3.3. Penjaga atau waris perlu berhubung sendiri dengan pihak pengurusan jenazah pilihan mereka tanpa sebarang sokongan atau cadangan pihak pengurusan hospital.
- 3.4. Pihak hospital hanya menyediakan senarai pengurus jenazah yang diperolehi daripada Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri atau kariah masjid berdekatan. Waris atau penjaga bebas memilih mana-mana penyedia perkhidmatan jenazah tanpa campur tangan kakitangan hospital.

- 3.5. JKN perlu menyelaraskan senarai pengurus jenazah dengan Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri dari masa ke semasa bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah sahih dan terkini.

4. PENGURUSAN PERKHIDMATAN KENDERAAN JENAZAH

- 4.1. Pengangkutan jenazah boleh menggunakan kenderaan jenazah hospital dan caj pengangkutan adalah berdasarkan Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) 1982.
- 4.2. Waris atau penjaga boleh memilih perkhidmatan jenazah yang disediakan oleh surau/masjid atau pengurus jenazah dengan kos ditanggung sendiri.
- 4.3. Pengecualian caj atau bayaran penggunaan kenderaan jenazah adalah mengikut peruntukan:
- i. Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) 1982;
 - ii. Perintah-perintah Am Bab F Perubatan; dan
 - iii. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 6.4 Bantuan Mengurus Jenazah Dan Bayaran Pengangkutan Jenazah Pegawai Perkhidmatan Awam.

5. TATACARA PEMILIHAN PENGURUS JENAZAH UNTUK WARIS ATAU PENJAGA

- 5.1. Pengurusan jenazah perlu mematuhi kod etika dan tatakelakuan KKM.
- 5.2. Kakitangan hospital sebagai penjawat awam tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 5.3. Kakitangan hospital dilarang daripada menerima sebarang bentuk hadiah, sumbangan, apa-apa caj pembayaran, atau apa-apa unsur dorongan yang boleh dianggap sebagai suapan atau rasuah dalam pengurusan jenazah. Ini termasuk

memberikan maklumat kematian atau maklumat peribadi jenazah di hospital kepada pihak luar atau individu yang terlibat dalam pengurusan jenazah.

- 5.4. Sebarang salah laku **WAJIB** dilaporkan serta merta dalam usaha membendung sebarang ketirisan, salah guna kuasa atau gejala rasuah.
- 5.5. Senarai pengurus jenazah Islam diselaraskan oleh Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri berdasarkan ketetapan hal ehwal Islam di negeri masing-masing.
- 5.6. Pemilihan ejen/ syarikat bagi pengurusan jenazah dilaksanakan sepenuhnya oleh waris atau penjaga tanpa campur tangan pihak hospital.
- 5.7. Carta alir umum pemilihan pengurus jenazah untuk waris atau penjaga adalah seperti dalam **Lampiran 1**. Pihak JKN perlu menyelaras carta alir untuk hospital di bawah JKN berdasarkan keperluan dan perbincangan dengan Jabatan Agama Islam Negeri atau mana-mana agensi yang berkaitan. Carta alir ini perlu dipaparkan di Jabatan/Unit Forensik untuk rujukan dan makluman waris atau penjaga jenazah.
- 5.8. Pihak hospital perlu memaparkan kenyataan atau notis seperti berikut

- **“JABATAN / UNIT FORENSIK TIDAK MENERIMA SEBARANG BAYARAN BAGI PENGURUSAN JENAZAH”**
- **“AGEN/WAKIL PENGURUS JENAZAH DILARANG BERADA DI JABATAN / UNIT FORENSIK TANPA URUSAN”**

atau kenyataan yang sesuai di tempat-tempat yang strategik dalam Jabatan/ Unit Forensik di hospital.

- 5.9. Pihak hospital perlu menyediakan risalah berkaitan peranan, fungsi dan tanggungjawab Jabatan/Unit Forensik hospital KKM seperti dalam contoh **Lampiran 2**.
- 5.10. Borang Akuan Pengesahan Pengurusan Perkhidmatan Jenazah seperti dalam **Lampiran 3** perlu dilengkapi oleh waris atau penjaga dan staf hospital yang bertugas. Borang ini perlu disimpan oleh pihak hospital.
- 5.11. Segala kos bagi penyediaan kenyataan atau notis untuk paparan, cetakan risalah dan borang adalah di bawah tanggungan PTJ hospital atau institusi perubatan masing-masing.

6. TARIKH KUAT KUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan, dan perlu dibaca bersama dokumen berikut:

- i. Kod Etika dan Tatakelakuan, Kementerian Kesihatan Malaysia 2019 - Unit Integriti KKM;
- ii. Surat Pekeliling KPK Bil 10/2012 - *Standard Operating Procedures Of Forensic Medicine Services*;
- iii. Surat Pekeliling KPK Bil 17/2008 - Garis Panduan Bedah Siasat Mayat di Hospital-Hospital KKM; dan
- iv. Surat Pekeliling KPK Bil 5/2008 - Garis Panduan Penyerahan Mayat-Mayat yang Tidak Dituntut di Hospital KKM Kepada Fakulti Perubatan Universiti Tempatan bagi Maksud Pendidikan atau Penyelidikan Perubatan.

7. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, maka dokumen berikut adalah **dibatalkan**:

- i. Surat Pekeliling KPK Malaysia Bil 14/2001 Garispanduan Pengurusan Perkhidmatan Kereta Jenazah bertarikh 8 Januari 2002;
- ii. Surat Edaran Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam Di Hospital bertarikh 12 Mac 2018; dan

- iii. Surat Arahan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Jenazah Di Jabatan/Unit Forensik Hospital KKM.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan boleh diajukan kepada:

Pengarah,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
(U.P: Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital)

9. PENUTUP

Pihak JKN dan hospital perlu memastikan garis panduan ini dilaksanakan dengan berintegriti, berkualiti dan profesional bagi menjamin pengurusan jenazah yang teratur dan patuh kepada peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k.: Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)

CARTA ALIR UMUM PEMILIHAN PENGURUS JENAZAH



PERUBATAN FORENSIK



CONTOH RISALAH

Pengenalan

Jabatan Perubatan Forensik beroperasi berdasarkan keperluan dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593; Seksyen 330], Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Tisu Manusia 1974 (Akta 130).

Antara lain perkhidmatan yang disediakan di Jabatan Perubatan Forensik adalah melakukan pengurusan kematian pesakit di dalam hospital dan juga kematian yang dibawa ke hospital oleh pihak PDRM (Kes Brought In Dead).



Perkhidmatan Yang Disediakan

1. Bedahsiasat
 - 1.1 Kes Mediko-Legal
 - 1.2 Kes Klinikal
 - 1.3 Penyediaan Laporan Bedah Siasat
2. Pemeriksaan Klinikal Forensik
 - 2.1 Penyediaan Laporan
3. Pengurusan Mayat dan Anggota Badan
 - 3.1 Penerimaan mayat dan anggota badan
 - 3.2 Penyimpanan mayat dan anggota badan
 - 3.3 Penyerahan mayat dan anggota badan

Perkhidmatan ini dilakukan dari proses penerimaan sehingga ke proses penyerahan jenazah kepada waris sahaja.

Semua perkhidmatan di atas adalah **PERCUMA** kecuali laporan bedah siasat dan permohonan penggunaan kenderaan mayat hospital

PERKHIDMATAN YANG TIDAK DISEDIAKAN

1. Mandi/ kafan bagi jenazah Islam.
2. Pengurusan mayat bukan Islam.
3. Pengawetan mayat (*embalming*).
4. Penghantaran jenazah warga asing ke negara asal.
5. Penyimpanan mayat dari agensi bukan kerajaan termasuk permintaan dari hospital swasta (*Body Lodger*).

SOALAN LAZIM

1. Bolehkah waris menyertai bedah siasat?
Tidak.
2. Bolehkah waris menolak arahan bedah siasat?
Tidak. Bedah siasat medikolegal iaitu bedah siasat yang dimohon oleh pihak PDRM melalui arahan borang Pemeriksaan Mayat Pol.61 tidak boleh ditolak oleh waris.
3. Bolehkah waris memohon laporan bedah siasat?
Pihak waris boleh memohon laporan bedah siasat di Pejabat Rekod Perubatan hospital berkenaan dengan caj yang telah ditetapkan.
4. Berapa lamakah tempoh simpanan mayat di bilik mayat?
Mayat yang dituntut oleh waris melebihi 3 jam selepas tiba di bilik mayat akan disimpan di dalam peti mayat semasa tempoh tersebut.

Sekiranya mayat tidak dituntut melebihi 3 hari selepas didaftarkan di bilik mayat, mayat tersebut dikategorikan sebagai mayat tidak dituntut.

CONTOH RISALAH

SOALAN LAZIM

5. Siapakah yang boleh menuntut mayat?
Bagi warga negara, waris terdekat seperti pasangan, anak kandung 18 tahun ke atas, Ibubapa dan saudara kandung.

Bagi kes bukan warga negara pihak waris terdekat seperti Ibubapa, pasangan, saudara kandung, anak kandung, majikan, wakil majikan, kedutaan dan wakil kedutaan.

Selain dari waris terdekat, waris tersebut perlu membuat laporan polis untuk menuntut mayat.
6. Adakah pengurusan mandi/kafan atau upacara keagamaan diuruskan oleh Jabatan/ Unit Perubatan Forensik?
Tidak.
7. Adakah proses penyimpanan dan menuntut mayat dikenakan bayaran oleh pihak hospital?
Tidak.

JABATAN / UNIT FORENSIK

HOSPITAL_____

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

AKUAN PENGESAHAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN JENAZAH

Saya (Nama Waris/Penjaga):.....

No.KP/Pasport/No.Tentera/No.Polis:.....

Waris/Penjaga kepada

Nama Jenazah:.....

No.KP/Pasport/ Jenazah:.....

ID/RN Jenazah:.....

Tarikh dan waktu kematian:.....

Dengan ini telah menghubungi (sila tandakan ✓):

Kariah masjid	
Agen/Syarikat Pengurusan jenazah yang disenaraikan pihak hospital/JKN	
Agen/Syarikat Pengurusan jenazah pilihan sendiri	

Nama Kariah/Agen/Syarikat:.....

Pada (Tarikh dan waktu):.....

Untuk mendapatkan perkhidmatan pengurusan jenazah (mandi/kafan/solat/pengangkutan/ mengeksport). Saya telah memilih wakil/agen/syarikat pilihan saya sendiri. Segala kos perbelanjaan serta risiko akan ditanggung oleh pihak saya/ waris. Saya juga tidak akan menyalahkan pihak hospital..... di atas urusan pengendalian jenazah tersebut.

Tandatangan Waris/Penjaga/Penuntut	Tandatangan Petugas Jabatan/Unit Forensik
Nama:.....	Nama:.....
Tarikh:.....	Jawatan:.....
	Tarikh:.....